



56/2026

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

STEVEN SIM: LEBIH 4,300 USAHAWAN DI MELAKA TERIMA MANFAAT PEMBIAYAAN KUSKOP HAMPIR RM100 JUTA

MELAKA, 20 Jun 2026 – Hampir RM100 juta pembiayaan telah diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) kepada lebih 4,300 usahawan di Melaka setakat 31 Mei 2026, kata Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong.

Beliau kini sedang mengadakan lawatan kerja selama tiga hari ke Melaka bermula 19 hingga 21 Jun 2026 bagi menyantuni usahawan dan peniaga tempatan, serta meninjau pelaksanaan pelbagai inisiatif di bawah KUSKOP sempena Karnival Hebatkan Perniagaan Malaysia (KHPM) anjuran kementerian ini.

Bagi hari pertama lawatan pada 19 Jun, YB Steven Sim menghadiri Sesi Mega *Meet & Greet* bersama usahawan TEKUN di Malim Food Town, Melaka yang menghimpunkan kira-kira 50 usahawan tempatan.

Dalam program tersebut, beliau turut menyampaikan hampir RM1 juta pembiayaan kepada 18 usahawan yang layak melalui TEKUN Nasional dan SME Corp. Malaysia.

Program berkenaan turut dihadiri oleh Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Melaka, YB Seah Soo Chin, serta disertai oleh sembilan agensi di bawah KUSKOP yang menyediakan pelbagai khidmat nasihat dan perkhidmatan sokongan keusahawanan.

Penerima pembiayaan terdiri daripada pelbagai sektor perniagaan termasuk makanan dan minuman, pemborongan, perkhidmatan profesional, kontraktor pembinaan, peruncitan, perniagaan dalam talian, automotif, dan perkhidmatan.

Dalam ucapannya, YB Steven Sim turut memaklumkan bahawa KUSKOP telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM5 bilion di peringkat nasional setakat lima bulan pertama tahun ini, sekali gus memberi manfaat kepada hampir 180,000 usahawan di seluruh negara.

Menerusi inisiatif PowerUp10K, KUSKOP menasarkankan penyaluran pembiayaan sebanyak RM15 bilion kepada perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) di seluruh negara pada tahun ini.

Beliau menegaskan bahawa pembiayaan perlu terus disalurkan kepada usahawan bagi memastikan lebih banyak perniagaan dapat berkembang, sekali gus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

“Melalui pembiayaan, kita membantu perniagaan rakyat Malaysia. Apabila perniagaan berkembang, manfaatnya bukan hanya dirasai oleh pemilik perniagaan, tetapi juga oleh pekerja, pembekal, dan komuniti setempat.

“Wang yang disalurkan kepada usahawan akan terus beredar dalam ekonomi negara. Sebab itu, kita mahu melihat lebih banyak pembiayaan sampai ke pasaran dan membantu menghebatkan perniagaan rakyat Malaysia,” katanya.

Beliau berkata, kepelbagaian kaum, bahasa, dan budaya di Malaysia turut menjadi kelebihan penting dari segi bakat dan ekonomi.

“Inilah antara faktor yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang menarik kepada pelabur dan membolehkan perniagaan tempatan berkembang ke pasaran yang lebih luas,” katanya.

Selepas sesi penyerahan simbolik pembiayaan (cek cura), YB Steven Sim bersama YB Seah Soo Chin turut mengadakan sesi tinjauan mesra (*walkabout*) di sekitar Malim Food Town bagi menyantuni para peniaga dan pengunjung, serta meninjau aktiviti perniagaan setempat.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
20 JUN 2026